

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 8 APRIL 2010, JAM 10.00 PAGI

Bil. 16

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1231-L36437
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam melaksanakan Kajian Pelan Induk Projek Tebatan Banjir bagi Lembangan Sungai Johor yang telah pun disiapkan Jabatan Pengairan dan Saliran Johor pada tahun 2009.

2. PR-1231-L36869
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
 - (a) kos keseluruhan projek naik taraf Lapangan Terbang Batu Berendam di Negeri Melaka dan adakah semua kos dibiayai oleh peruntukan dari Kementerian . Jika tidak, nyatakan jumlah pinjamannya; dan
 - (b) setakat ini, berapa destinasi baru telah dipersetujui dan tarikh mula perkhidmatan ini.

3. PR-1231-L35354
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) bidang kuasa Ahli Panel Penasihat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
 - (b) bolehkah mereka membuat kenyataan terbuka bagi pihak SPRM terhadap sesuatu kes yang sedang atau belum disiasat.

4. PR-1231-L35673
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI, KESENIAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menggubal Undang-undang Hak Untuk Maklumat (*Right to Information*) sebagai fokus ketujuh dalam Program Transformasi Kerajaan untuk menjamin kepentingan rakyat dan kembalikan keyakinan terhadap Kerajaan.
5. PR-1231-L36658
Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah konsep sekolah terpilih perlu dilaung-laungkan padahal sekolah-sekolah di luar bandar masih ketinggalan zaman. Mengapakah sekolah di luar bandar dibiarkan terbiar begitu sahaja kononnya kerana ketiadaan/tidak cukup sumber kewangan tapi pihak Kerajaan dengan mudah sahaja meluluskan bajet untuk membangunkan sekolah-sekolah terpilih ini.
6. PR-1231-L36823
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah sebab dan alasan Hospital Shah Alam dikecilkan kemampuan perkhidmatannya dari 500 katil ke 300 katil sedangkan Shah Alam adalah ibu negeri Selangor sedangkan Hospital Selayang dan Klang mempunyai kemampuan yang lebih dari itu.
7. PR-1231-L36599
Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah diambil bagi menentukan tiada sesiapa boleh membolosi masuk atau keluar di kawasan pintu masuk Wang Kelian, Perlis, di mana kaedah *free flow* masih diamalkan. Ini amat penting mengambil kira terdapat beberapa individu dari luar negara diberkas baru-baru ini yang kononnya ada kaitan dengan Al-Qaeda.
8. PR-1231-L35502
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimanakah kedudukan projek penyambungan landasan LRT yang meliputi kawasan dari Kota Damansara ke Sungai Long Cheras dan juga kemajuan projek penyambungan LRT dari Ampang ke Kelana Jaya dan Puchong.
9. PR-1231-L36782
Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah yang diambil bagi menggalakkan warganegara berumur 50 tahun ke atas dan kakitangan Kerajaan bagi menyumbang pelajaran di IPTA/IPTS sama ada di peringkat Ijazah, Sarjana atau Doktor Falsafah selari dengan hasrat Kerajaan mempromosikan konsep pembelajaran sepanjang hayat dan menyokong Program *Brain 15*.

10. PR-1231-L35188
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapa Kerajaan meneruskan dasar diskriminasi dalam sistem pendidikan negara. Sekolah-sekolah utama menempatkan pelajar cerdas yang kebanyakannya terdiri dari golongan elit dan diberi taraf SBT (dengan segala kemudahan dan kemewahan) tetapi sekolah harian terutama di luar bandar dipotong segala peruntukan termasuk pembiayaan asrama dan ko-kurikulum. Rakyat manakah yang diutamakan oleh Kerajaan.
11. PR-1231-L35095
Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah untuk memastikan tahap kawalan logistik ketenteraan sentiasa berada di tahap maksimum di negara ini.
12. PR-1231-L35207
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan setakat mana kajian-kajian untuk membentuk satu dasar bersepadu untuk "*internet cafe*" dan apakah mekanisme untuk pelaksanaan di seluruh negara.
13. PR-1231-L36440
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah penipuan Sijil Halal yang dapat dikesan pada tahun 2009; dan
 - (b) berapakah tindakan yang sudah diambil dan apakah bentuk hukumannya.
14. PR-1231-L36885
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perbelanjaan yang dibayar setiap tahun kepada pemegang konsesi (Pantai Holdings, Faber Medivest dan Radicare) untuk perkhidmatan sokongan di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia sejak penswastaan.
15. PR-1231-L35073
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
- (a) kenapakah pihak ASTRO menyangkan terlalu banyak iklan komersial sementara tidak pula menyangkan iklan dasar Kerajaan; dan
 - (b) apakah tindakan pihak Kementerian kepada penerbit filem tempatan yang tidak mencerminkan Gagasan 1Malaysia.

16. PR-1231-L36096
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan Perdana Menteri menyebut Kerajaan akan menyuntik RM1 bilion ke dalam pasaran tempatan setiap bulan hinggalah pertengahan tahun 2010 bagi memulihkan ekonomi negara
- (a) nyatakan sektor manakah yang akan menjadi tumpuan Kerajaan; dan
 - (b) adakah Kerajaan akan terus membuat suntikan jika Kerajaan gagal memulihkan ekonomi negara pada pertengahan tahun ini.
17. PR-1231-L35931
Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada kajian telah dibuat untuk menaik taraf beberapa selekoh merbahaya di sepanjang lebuh raya "*Pan Borneo*" di kawasan Parlimen Sri Aman.
18. PR-1231-L36227
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Akta Perubahan Iklim bagi menangani secara serius fenomena alam yang berlaku kini sepertimana yang telah dimulakan oleh United Kingdom, Scotland dan Filipina. Jika ya, bilakah ianya akan dilaksanakan. Jika tidak, apakah alasannya.
19. PR-1231-L36220
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang usaha-usaha proaktif dan berkesan bagi mempertingkatkan kemudahan dan khidmat kesihatan di pusat-pusat kesihatan luar bandar khususnya di daerah Kinabatangan.
20. PR-1231-L36591
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keseluruhan peruntukan yang telah disalurkan kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan bagi daerah Kuala Muda dan Yan bagi tahun 2008 dan 2009 dan senaraikan projek-projek dan kos yang telah dibelanjakan.
21. PR-1231-L35230
Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah filem yang diimport dari luar negara setiap tahun dan dari negara mana. Apakah usaha Kementerian membangunkan industri filem tempatan.

22. PR-1231-L35845
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada wang kertas RM50 baru adalah defektif dan tidak kalis air seperti mana dilaporkan dalam surat khabar tempatan baru-baru ini.
23. PR-1231-L35567
Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah susulan yang telah diambil atas masalah-masalah yang disenaraikan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008.
24. PR-1231-L35209
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan-rancangan Kerajaan Pusat untuk melaksanakan projek (PORR) "*Penang Outer Ring Road*" dan adakah projek ini akan dilaksanakan secara *Private Finance Initiative (PFI)* atau dibiayai oleh Kerajaan.
25. PR-1231-L36000
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membangunkan Pekan Parit, Pulau Cempakasari dan Jambatan Parit - Belanja sebagai salah satu destinasi pelancongan.
26. PR-1231-L36592
Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah kajian dibuat terhadap pelaksanaan e-Book kepada pelajar-pelajar sekolah di Terengganu. Sehingga kini apakah masalah yang dihadapi dan adakah ianya akan diperluaskan ke seluruh negara.
27. PR-1231-L35839
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha yang dilakukan untuk menangani masalah kekurangan doktor dan doktor pakar di negara ini, memandangkan Malaysia masih banyak bergantung kepada perkhidmatan doktor dan doktor pakar luar negara. Bagaimana nisbah jumlah doktor dengan jumlah penduduk di negara kita.
28. PR-1231-L36867
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah elaun Pengarah FELDA telah naik daripada RM323,200 untuk tahun 2007 ke RM514,500 untuk 2008 (+59%) dan untuk KUMPULAN FELDA dari RM462,660 untuk tahun 2007 ke RM5,818,502 untuk 2008 (+1257%). Senaraikan penerima-penerima. (rujuk laporan tahunan 2008 ms152).

29. PR-1231-L35792
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah 3 modul utama iaitu modal insan, modal swasta dan modal sosial bakal memastikan kejayaan Model Ekonomi Baru yang bertujuan menjana dan memacu Malaysia ke arah negara maju bakal tercapai.
30. PR-1231-L35612
Tuan John a/l Fernandez [Seremban] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam menangani kekurangan kawalan selia oleh doktor- doktor pakar terhadap ramai doktor pelatih baru yang lahir dari banyak Pusat pengajian swasta di dalam dan luar negara.
31. PR-1231-L35513
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) mengapakah terdapatnya yuran tambahan dikenakan ke atas murid-murid di sekolah luar bandar terutama di negeri Sarawak lebih-lebih lagi murid kepada ibu tunggal dan keluarga miskin; dan
 - (b) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menghapuskan atau memberi pengecualian yuran tambahan ini lebih-lebih lagi kepada murid kepada ibu tunggal dan keluarga miskin ini.
32. PR-1231-L35266
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah sebab-sebab Kerajaan merampas buku *I Funny Malaysia* dan *Where is Justice*; dan
 - (b) apakah sebab-sebab Kerajaan menahan buku bertajuk *Malaysian Maverick* oleh penulis Barry Wain sejak bulan Disember 2009, adakah ia merupakan keputusan Kabinet Malaysia.
33. PR-1231-L35859
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan hala tuju pembangunan teknologi hijau negara sesuai dengan Dasar Teknologi Hijau Negara dan nyatakan langkah yang diambil untuk memantapkan lagi usaha Kerajaan memajukan teknologi berkenaan di negara ini.

34. PR-1231-L36372
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) status kehilangan 40 ribu warga India dalam negara seperti yang pernah dilaporkan sebelum ini; dan
 - (b) mungkinkah taraf keselamatan negara perlu dikaji semula dari segi keberkesanannya.
35. PR-1231-L35874
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk berkongsi maklumat risikan tentera dengan Kerajaan Amerika Syarikat untuk memastikan tidak ada lagi amaran perjalanan ke negeri Sabah yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat yang tidak mempunyai asas kukuh.
36. PR-1231-L35535
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status dan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah kekurangan doktor perubatan dan pakar di Hospital Besar Sarikei yang dianggap serius. Nyatakan juga kemudahan infrastruktur yang telah disediakan di hospital ini.
37. PR-1231-L36653
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramaikah permohonan untuk menjadi warganegara Malaysia telah diluluskan pada 2005, 2006, 2006, 2007, 2008 dan 2009.
38. PR-1231-L35975
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mendefinisikan semula istilah "pekerja" dan mendefinisikan dari segi tangga gaji iaitu pekerja yang memperoleh gaji bulanan sebanyak RM2,500 di dalam Akta Pekerja seperti mana yang termaktub dalam Ordinan Buruh Sabah dan Sarawak. Jika tidak, mengapa.
39. PR-1231-L35508
Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pendapatan atau gaji bulanan kakitangan Kerajaan dalam perkhidmatan awam seperti Polis, Kastam, Imigresen, JPJ, Tentera dan lain-lain setimpal dengan kos kehidupan yang minima terutamanya di bandar-bandar besar memandangkan kadar inflasi semakin meningkat.

40. PR-1231-L35528
Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi permasalahan yang timbul di kalangan penduduk di Papua New Guinea akibat pembalakan secara berleluasa oleh Syarikat Rimbunan Hijau, sebuah syarikat milik rakyat Malaysia yang telah menyebabkan banyak masalah setempat seperti yang dilaporkan oleh The Star pada 25 Mei 2009.
41. PR-1231-L35007
Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan walaupun berbagai polisi dan panduan telah diumumkan untuk meningkatkan mutu sistem penyampaian (*delivery system*) hingga hari ini keadaan tidak banyak berubah, umpamanya pada kerja-kerja asas seperti membalas surat dan melayan tuntutan bayaran. Apakah tindakan susulan pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.
42. PR-1231-L36668
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan projek Mahkamah Seksyen Khas Rasuah dan Mahkamah Tinggi Khas Rayuan Kes Rasuah seperti yang telah diperuntukkan dalam Bajet 2010.
43. PR-1231-L35478
Tan Sri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah kesan pengurangan peruntukan Kerajaan terhadap sekolah-sekolah. Apakah betul bagi mengurangkan kos pembelajaran banyak kemudahan-kemudahan asas telah dikurangkan atau ditarik balik.
44. PR-1231-L35018
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan pelajar dari Bayan Baru yang memperoleh 5A dalam UPSR dan 8A atau 7A dalam PMR , serta bilangan mereka yang dipilih masuk ke sekolah berasrama penuh dan MRSM mengikut kaum.
45. PR-1231-L36374
Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Malaysia sekarang telah menjadi transit bagi pasaran dadah serantau yang didalangi sindiket dadah antarabangsa di mana ianya dibawa masuk oleh warga asing ke negara ini dengan jumlah kes tangkapan yang meningkat dan apakah usaha yang telah dilakukan untuk membanteras masalah ini.

46. PR-1231-L35285
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah dan usaha 'Reformasi Parlimen' yang telah dijalankan sejak PRU 2008 untuk meningkatkan keberkesanan peranan Parlimen Malaysia.
47. PR-1231-L36247
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah kes demam denggi sejak tahun 2005 hingga akhir 2009 serta jumlah kematian mengikut negeri. Apakah tahap peningkatan kes dianggarkan di seluruh negara serta langkah-langkah kawalan serius dalam menangani kes ini.
48. PR-1231-L36457
Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diusahakan oleh Kementerian untuk memanfaatkan bekas-bekas tentera yang bersara pada usia 40an. (mereka yang telah tamat 21 tahun perkhidmatan).
49. PR-1231-L35650
Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi meningkatkan lagi mutu sistem penyampaian sektor awam agar lebih responsif serta dapat memenuhi kehendak rakyat jelata.
50. PR-1231-L36894
Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa ramaikah penerima bantuan kebajikan di daerah Kulim dan berikan angka dan jumlah mengikut kaum.
51. PR-1231-L36526
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan penggunaan MyKad untuk menggantikan pasport semasa melintasi sempadan dengan Negara Brunei Darussalam untuk meringankan beban rakyat jelata.
52. PR-1231-L36477
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pekerja asing di dalam negara. Nyatakan kewarganegaraan pekerja-pekerja ini.

53. PR-1231-L35395
Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah dakwat kekal untuk PRU 12 dilupuskan, adakah kes telah selesai dan berapakah jumlah kos pembelian dakwat tersebut, dari mana ia dibawa masuk dan bagaimana dilupuskan.
54. PR-1231-L36256
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan undang-undang yang boleh diambil ke atas pemaju atau wakil pemaju yang enggan menyerahkan kuasa atau menghalang pengurusan dan penyelenggaraan pangsapuri kepada badan pengurusan bersama (JMB/JMC).
55. PR-1231-L36737
Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan mempertimbangkan dengan penguatkuasaan undang-undang untuk mengurangkan penggunaan beg plastik di seluruh negara memandangkan pelupusan plastik mengambil masa beribu-ribu tahun.
56. PR-1231-L35302
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tujuan sebenar untuk mengekalkan jawatan Setiausaha Persekutuan di Sabah sedangkan di negeri-negeri lain di Malaysia tidak diperuntukkan dan bilangan jawatan di semua jabatan persekutuan mengikut taraf jawatan serta jumlah yang disandang oleh penduduk tempatan Sabah.
57. PR-1231-L35214
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana tahap keselamatan dalam negara benar-benar terjamin dan sejauh mana negara bebas dari ancaman penganas dengan tertangkapnya 10 orang di bawah Akta ISA baru-baru ini.
58. PR-1231-L35775
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sama ada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengizinkan semua pemegang lesen NFP (*Network Facilities Provider*) dan NSP (*Network Services Provider*) untuk mengendalikan perkhidmatan *Fiber-to-the-Home* (FTTH) menerusi tabiat *Fiber Through The Longkang* yang menyalurkan rangkaian *fiber-optics* menerusi parit dan saluran awam seperti mana yang kini dikendalikan oleh Syarikat Tanjung Serbaneka Sdn. Bhd. dan syarikat bersekutunya, PenangFon.

59. PR-1231-L35290
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-
- (a) adakah Menteri menyedari bahawa kekurangan pekerja asing yang semakin meningkat di ladang-ladang, terutama sekali ladang sawit di Sabah telah menyebabkan banyak Tangkai Buah Segar (TBS) sawit tidak dikutip dan seterusnya negara kehilangan hasil; dan
 - (b) apakah rancangan Kementerian untuk berkoordinasi dengan jabatan lain dalam meminda beberapa dasar supaya lebih mudah bagi majikan untuk mengelakkan kehilangan hasil selanjutnya dari segi industri dan sumbangan utama kepada Sabah dan negara.
60. PR-1231-L35412
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status pencapaian Pelan Induk Perindustrian Ketiga setakat ini dan apakah pengubahsuaian dasar, fokus dan sasaran yang akan dilakukan agar selari dengan misi dan perancangan model ekonomi baru negara.
61. PR-1231-L36511
Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bilakah program pertukaran meter air pukal kepada individu dapat diselesaikan sepenuhnya agar penghuni kediaman bertingkat di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya dapat menikmati kadar tarif air lebih rendah berbanding sekarang.
62. PR-1231-L35584
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah kebajikan kesihatan rakyat diuruskan dengan cekap di klinik-klinik 1Malaysia yang dilancarkan baru-baru ini walhal keadaan menunjukkan negara sering kekurangan kakitangan khasnya doktor; dan
 - (b) mengapakah tiada doktor yang ditempatkan di setiap klinik 1Malaysia.

63. PR-1231-L36784
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa lamakah tempoh penyiasaan yang diambil oleh Polis dalam sesuatu kes yang berkaitan dengan jenayah dan adakah bidang siasatan polis termasuk dalam KPI dan NKRA Polis Diraja Malaysia.
64. PR-1231-L36560
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan alasan-alasan buku biografi *Malaysian Maverick : Mahathir Mohamad in Turbulent Times* oleh Barry Wain tidak dibenarkan untuk penjualan sejak tiba di Pelabuhan Klang pada November 2009.
65. PR-1231-L36312
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah taburan guru mengikut pengkhususan di seluruh negara terutamanya di daerah Hulu Perak:-
- (a) benarkah berlaku lebih guru-guru Sains dan Matematik di luar bandar dan berlaku pengurangan dalam bidang tertentu sehingga menyebabkan guru berkenaan terpaksa mengajar di luar bidang kepakarannya; dan
 - (b) apakah langkah-langkah Kementerian bagi menjaga kebajikan guru-guru terutamanya dari segi elaun tugas lebih masa, keselesaan berkursus, tuntutan perjalanan dan sebagainya.
66. PR-1231-L36480
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kerja-kerja pemuliharaan yang telah dan akan dilakukan di Bukit Antarabangsa Hulu Kelang dari cadangan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Teknikal Kajian Tanah Runtuh.
67. PR-1231-L36209
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada buku *Muslim Women and the Challenge of Islamic Extremism* yang dirampas sudah dipulangkan kepada penerbit.
68. PR-1231-L35469
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai 7 pembekal swasta terbesar untuk Kementerian dalam tahun 2008 dan 2009 dan jumlah yang dibayar pada tiap pembekal ini.

69. PR-1231-L35545
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh mana hasil pertanian menyumbang kepada pendapatan negara. Apakah usaha-usaha Kerajaan secara komersial untuk menjadikan hasil laut sebagai sumber ekonomi negara yang jauh lebih pesat daripada keadaan sekarang terutamanya dari sudut pelancongan negara.
70. PR-1231-L35700
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik tangkapan, dakwaan dan sabit kesalahan jenayah rasuah sepanjang 5 tahun. Apakah bukti keberkesanan SPRM berbanding BPR.
71. PR-1231-L36412
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan GST tidak akan membebankan rakyat negara ini serta apakah matlamat utama pelaksanaan sistem tersebut.

4. (D.R. 5/2010) Rang Undang-undang Perlindungan **Bacaan Kali**
Pemberi Maklumat 2010 **Yang Kedua**
(Jabatan Perdana Menteri)
5. (D.R. 1/2010) Rang Undang-undang Institusi-Institusi “
Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2010.
(Menteri Pelajaran)
6. (D.R. 7/2010) Rang Undang-undang Persaingan 2010. “
**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi Dan Kepenggunaan)**
7. (D.R. 6/2010) Rang Undang-undang Suruhanjaya “
Persaingan 2010.
**(Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi Dan Kepenggunaan)**
8. (D.R. 37/2009) Rang Undang-undang Cukai Barang dan “
Perkhidmatan 2009.
(Menteri Kewangan)

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bersetuju, mengikut peruntukan sub perenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], supaya Kerajaan Malaysia, melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan), membuat pelaburan dengan memperoleh sejumlah 5,000,000 unit saham biasa GovCo Holdings Berhad, sebuah syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) pada nilai RM1 bagi satu unit saham".

10. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan memotong daripadanya butiran seperti berikut :-

'Kumpulan Wang Amanah Tabung Pelarasan Industri' ."

11. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut :-

'Kumpulan Wang Amanah Sokongan Keluarga' ."

12. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut :-

'Kumpulan Wang Amanah Tabung Inovasi Negara' ."

13. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

"BAHAWA pada 17 Mac 2010, Yang Berhormat Ahli Parlimen Permatang Pauh, ketika mengambil bahagian dalam Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, telah mengeluarkan kenyataan, "1999 Satu Israel. 2009 APCO menasihati Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib 1Malaysia".

BAHAWA Yang Berhormat Ahli Parlimen Permatang Pauh telah mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan serta membuat dakwaan yang sangat serius dan menyalahi hak dan keistimewaan sebagai Ahli Parlimen serta merupakan satu penghinaan kepada Dewan ini.

MAKA INILAH DIPERSETUJUI BAHAWA Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Jawatankuasa ini hendaklah membuat syor jenis hukuman yang setimpal yang patut Dewan kenakan ke atas Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh."

14. PR-1231-U35129

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kesan buruk yang ditinggalkan hasil daripada penggunaan beg dan bahan pembungkus plastik kian membimbangkan , di mana impaknya sering dikaitkan dengan isu-isu pencemaran alam sekitar dan pemanasan global. Dan mengambil maklum bahawa :-

1. menurut laporan yang dikeluarkan oleh MIDA, industri plastik di negara ini merangkumi 1,500 pengilang dan pengeluar di mana penggunaan resin telah meningkat kepada 1.9 juta tan metrik 1.85 juta tan metrik pada tahun 2006 bererti penggunaan resin perkapita 75 kilogram.
2. resin yang berasaskan petroleum secara amnya mempunyai impak yang besar kepada ekonomi negara, di mana harga pasaran bahan petroleum akan mempengaruhi harga resin untuk membuat bahan plastik.
3. aktiviti kitar semula seperti mana yang dijanjikan oleh para pengeluar bahan plastik adalah terlalu minima.
4. impak kesihatan daripada penggunaan bahan plastik juga kian meningkat dan banyak lagi kesan negatif yang lain.

Dan mengambil maklum bahawa beg plastik yang digunakan di pasar raya, pasar borong dan pusat membeli-belah boleh digantikan dengan bahan - bahan yang lebih mesra alam seperti beg kertas dan beg berasaskan kain. Sementara bahan pembungkus makanan yang berasaskan plastik boleh digantikan dengan *palm oil fibre paper*.Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggubal satu Akta untuk mengharamkan penggunaan beg dan bahan bungkus plastik demi untuk memenuhi komitmen negara dalam mengurangkan impak gas rumah hijau ke udara."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

15. PR-1231-U35132

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan ini mengambil maklum sejak akhir-akhir ini kemalangan maut yang melibatkan pengangkutan awam terutama sekali bas pelancong dan penumpang kian berleluasa. Dan mengambil maklum bahawa apa jua kempen , program serta langkah pencegahan yang dibuat atau dijalankan oleh pihak Kerajaan serta agensi Kerajaan masih juga tidak memberikan kesan positif.

Dan mengambil maklum bahawa, punca utama kemalangan ini berlaku adalah kecuaiian manusia yakni pemandu yang sering kali memandu terlalu laju. Dan mengambil maklum bahawa, kemalangan seperti itu dapat dielakkan dengan memasang alat-alat pencegahan seperti berikut :-

- (a) loceng penggera (*alarm system*) apabila mencapai had kelajuan maksima yang dibenarkan.
- (b) penanda kelajuan (*speedometer*) dipasang di bahagian atas, hadapan kenderaan di mana ianya dapat dilihat secara jelas oleh para penumpang.
- (c) pemasangan kamera litar (CCTV) dalam bas.

Ketiga-tiga langkah ini akan membolehkan para penumpang menegur atau mengingatkan si pemandu apabila beliau melepasi had kelajuan yang dibenarkan dan sekali gus dapat mengelakkan kemalangan daripada berlaku. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk membuat dasar ataupun polisi supaya semua kenderaan pengangkutan awam dimestikan memasang sistem keselamatan ini."

(Menteri Pengangkutan)

16. PR-1231-U35133

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kebebasan beragama bagi setiap rakyat di negara ini adalah terjamin dalam Perlembagaan Negara. Dan mengambil maklum bahawa semua institusi keagamaan yang terdapat di negara ini memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara, terutama sekali pembangunan moral dan sosial umatnya. Dan mengambil maklum bahawa selaras dengan slogan 1Malaysia dan NKRA negara, setiap Institusi keagamaan ini mempunyai peranan masing-masing untuk membantu Kerajaan menangani masalah sosial dan jenayah di kalangan umatnya.

Dan mengambil maklum bahawa, banyak program yang boleh membantu Kerajaan dalam menangani gejala sosial dan jenayah yang boleh dijalankan oleh institusi keagamaan ini tidak dapat dijalankan kerana kekurangan dana. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk memberikan dana secara tetap dan berjadual kepada badan atau institusi keagamaan bukan Islam di negara ini demi untuk kepentingan negara dan selaras dengan konsep 1Malaysia."

(Perdana Menteri)

17. PR-1231-U36962
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan cara-cara yang aman untuk menyelesaikan permasalahan agama dan ras di negara ini. Dewan ini juga hendak diperbincangkan insiden-insiden yang kena-mengena dengan penggunaan kalimah Allah serta langkah-langkah penyelesaiannya."

(Perdana Menteri)

18. PR-1231-U36964
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan pertumbuhan *gated* dan *guarded communities* serta syarikat keselamatan bagi cendawan. Dewan ini juga mahu membicarakan kewujudan dwi sistem kepolisian, iaitu Polis DiRaja Malaysia dan para pengawal swasta serta kesan-kesan, implikasi dan konsekuensinya."

(Menteri Dalam Negeri)

19. PR-1231-U35345
Datuk Eric Enchin Majimbin [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dengan seriusnya mengkaji semula perjanjian mengenai galian minyak mentah dan gas asli yang dikeluarkan dari perairan di negeri Sabah yang di tanda tangani pada tahun 1976. Perjanjian ini haruslah dibawa untuk perundingan dengan Kerajaan negeri bagi menetapkan kadar royalti minyak, gas serta keanggotaan keahlian dalam perjanjian".

(Perdana Menteri)

20. PR-1231-U35349
Datuk Eric Enchin Majimbin [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan cara pengundian dalam pilihan raya untuk mengelakkan pengundi tidak dapat dikawal serta dapat memastikan tidak ada penyelewengan sewaktu membuang undi supaya satu tanda kesan bagi rakyat yang telah membuang undi dan haruslah di laksana serta dijadikan sebagai syarat undang-undang pengundi."

(Perdana Menteri)

21. PR-1231-U35353
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini dengan seriusnya memastikan mengenai kenaikan penduduk mengikut Bancian Jabatan Perangkaan di mana penduduk Sabah sejak tahun 1970 hingga 2000 telah melambung tinggi sehingga 285%, sedangkan di seluruh negara kenaikan hanya 113% dan di Sarawak yang berjiran dengan Sabah peningkatan cuma 106% sahaja. Jumlah peningkatan penduduk yang sangat ketara ini amatlah mencurigakan serta membimbangkan rakyat Malaysia di Sabah di mana dalam tahun 2007, Sabah dijangkakan sudah mempunyai penduduk 3.1 juta. Maka sekiranya Kerajaan tidak memastikan perancangan peningkatan penduduk ini dengan serius dan menyeluruh, tentunya penduduk Sabah akan dilanda kemiskinan yang teruk. "
- (Perdana Menteri)**
22. PR-1231-U35394
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengarahkan Kerajaan untuk membina sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil di kawasan Bercham memandangkan peningkatan murid-murid di kawasan tersebut."
- (Menteri Pelajaran)**
23. PR-1231-U35398
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengarahkan mengambil satu ketetapan dan mendesak Kerajaan untuk mengambil tindakan di bawah Akta Hasutan terhadap pengarah akhbar Utusan Malaysia berturutan dengan laporan polis sebelum ini."
- (Menteri Dalam Negeri)**
24. PR-1231-U35258
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk menggesa Kementerian berkenaan supaya dapat mengeluarkan lesen mengeksport kera.

Kera-kera tersebut telah menjadi suatu ancaman kepada penduduk sama ada di bandar atau luar bandar. Populasi kera amat banyak dan cepat membiak. Di luar bandar, ianya memusnahkan serta merosakkan hasil tanaman seperti pisang, kelapa dan buah-buahan lain. Hasil tanaman tersebut merupakan pendapatan tambahan kepada penduduk miskin di luar bandar."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

25. PR-1231-U35259
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengkaji semula undang-undang berhubung dengan had laju supaya dinaikkan dari 110 KM/J kepada 130 KM/J di laluan lebuhraya."

(Menteri Pengangkutan)

26. PR-1231-U35260
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan gaji minima RM 800 kepada pemandu-pemandu kenderaan berat terutamanya kepada pemandu bas ekspres dari mengelakkan dan mengurangkan kemalangan, kesan akibat dari mengejar trip."

(Perdana Menteri)

27. PR-1231-U36973
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah segera untuk mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa Malaysia bukan negara sekular seperti India sebaliknya sebuah negara yang mengamalkan dwi-sistem (sistem perundangan *hybrid*) iaitu dengan meminda Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dengan menambah perkataan seperti berikut: 'Islam adalah agama bagi Persekutuan termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya'.

Bahawa Dewan mengambil maklum bahawa keputusan Mahkamah di dalam kes Che Omar Che Soh v. Pendakwaraya dan Jamaluddin Osman v. Menteri Dalam Negeri telah banyak diputarbelit dan disalahtafsir oleh golongan tertentu untuk memberi gambaran kononnya Malaysia adalah negara sekular sedangkan hakikatnya Malaysia bukanlah negara sekular sebaliknya negara yang meletakkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, maka dengan pindaan kepada Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan seperti yang dicadangkan akan memperjelaskan perihal kedudukan status negara ini tanpa sebarang keraguan lagi."

(Perdana Menteri)

28. PR-1231-U36974

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): **'Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, kecuali undang-undang dan syariat Islam, apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan Perlembagaan ini dan undang-undang Islam atau hukum syara' hendaklah terbatal setakat ianya berlawanan itu'**.

Bahawa Dewan mengambil maklum bahawa banyak keadaan di mana hukum syara' dan syariat Islam telah terbatal dan atau tidak dapat dilaksanakan kerana Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan ini yang meletakkan undang-undang negara mengatasi semua undang-undang dan peraturan lain termasuk undang-undang serta syariat Islam seperti pengharaman pemakaian serban disekolah-sekolah kebangsaan, pemakaian purdah dan jilbab di jabatan-jabatan kerajaan, pelaksanaan undang-undang syarak seperti khalwat, zina, qazaf yang bercanggah dengan hukum syara' dan lain-lain."

(Perdana Menteri)

29. PR-1231-U36975

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 Senarai 2(1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut:-'tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan dan diganti dengan perkataan berikut; dan mempunyai bidang kuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam dan menurut hukum syara' dan undang-undang Islam (termasuk hudud, qisas dan ta'zir) termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syara' dan undang-undang Islam serta melaksana dan menguatkuasakan apa jua hukuman dan/atau perintah yang dikeluarkannya. Dan proviso kepada Seksyen 2, Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas dan hendaklah berbunyi seperti berikut: Mahkamah Syariah tersebut hendaklah mempunyai bidang kuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam dan menurut hukum syara' dan undang-undang Islam (termasuk hudud, qisas dan tazir) termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syara' dan undang-undang Islam serta melaksana dan menguatkuasakan apa jua hukuman dan/ atau perintah yang dikeluarkannya. Bahawa Dewan ini mengambil maklum umat Islam wajib melaksanakan syariat Islam termasuk undang-undang jenayahnya seperti hudud, qisas dan ta'zir tanpa sebarang pengubahsuaian dan pindaan seperti yang berlaku sekarang dan Dewan mengambil maklum bahawa kegagalan melaksanakan sistem perundangan Islam sepenuhnya ini boleh membatalkan aqidah umat Islam."

(Perdana Menteri)

30. PR-1231-U36976

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): 'Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, termasuk menukar agamanya kecuali bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam."

Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak keatasnya. Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa walaupun Mahkamah Persekutuan di dalam beberapa kes termasuk Azlina Jailani @ Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Jabatan Pendaftaran Negara memutuskan bahawa dalam hal ehwal dan permasalahan kemasukan atau kemurtadan daripada Islam hanya Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dan Mahkamah Sivil tidak boleh mempunyai apa-apa bidang kuasa menurut Artikel 121 (1A), namun masih lagi ada pihak yang mempertikaikan dan membawa kes seumpama ini ke Mahkamah Sivil dimana dalam kes melibatkan seorang Punjabi Muslim di mana mayatnya terlantar di Hospital Sungai Buloh, Selangor selama sebulan kerana Mahkamah Sivil masih mahu mendengar kes-kes seumpama ini, sedangkan merupakan fardu kifayah ke atas umat Islam untuk menyegerakan pengurusan dan pengebumian jenazah orang Islam yang telah meninggal dunia. Dengan adanya peruntukan seumpama di atas maka isu seperti ini tidak akan berbangkit lagi."

(Perdana Menteri)

31. PR-1231-U36977

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan menguatkuasakan keputusan daripada muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan ke 19 pada 06hb - 08hb. Oktober 1987 dan mengambil langkah serta-merta memansuhkan dan menghapuskan semua amalan syirik dan kufur termasuk upacara bertafakur yang diadakan di hadapan Tugu Negara sempena Hari Pahlawan, Hari Angkatan Tentera, Hari Polis dan lain-lain hari peringatan atau apa jua upacara rasmi dan semua langkah yang berkesan dan efektif diambil agar anggota tentera, polis dan lain-lain orang yang beragama Islam tidak dipaksa dan/ atau diarah melakukan upacara dan amalan kawad hormat dan/ atau bertafakur di hadapan Tugu Negara yang telah difatwakan sebagai syirik."

(Perdana Menteri)

32. PR-1231-U36978

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan autoriti mengatasi kesemua Mufti-Mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dengan tanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang DiPertuan Agong dan Majlis Raja-Raja. Selanjutnya Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya memberi kuasa dan bidang kuasa jelas kepada Majlis Fatwa Kebangsaan untuk menguatkuasa dan melaksanakan fatwa-fatwa yang dikeluarkannya dan mana-mana orang yang mempersoalkan dan/ atau mempertikaikan Fatwa-fatwa tersebut hendaklah dianggap melakukan penghinaan terhadap agama Islam dan diambil tindakan tegas menurut Seksyen 298A Kanun Keseksaan atau di bawah mana-mana undang-undang (Persekutuan atau Negeri)."

(Perdana Menteri)

33. PR-1231-U36979

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa kaukus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai Jawatankuasa Kaukus bagi Palestin dengan melantik YB Kepala Batas sebagai Pengerusi Kaukus tersebut dan selanjutnya Dewan ini mendesak Kerajaan Mesir supaya membuka semula pintu Rafah dan memberi kebebasan keluar/ masuk kepada rakyat Palestin dan tidak menghalang sebarang usaha-usaha bantuan kemanusiaan oleh mana-mana pihak; dan juga mendesak rejim zionis Israel supaya segera mengembalikan hak rakyat Palestin dan mengiktiraf Negara Islam Palestin sebagai negara yang merdeka dan berdaulat dan Baitulmaqdis sebagai ibu negeri bagi Negara Islam Palestin."

(Perdana Menteri)

34. PR-1231-U36980

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet dengan segera khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah bersepadu dan berkesan berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dan penganut agama Hindu dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan hal masalah peribadatan mereka termasuk penyelenggaraan dan pengurusan

kuil-kuil mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai Jawatankuasa Khas Kabinet bagi Hal Ehwal Masyarakat India dengan melantik Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas tersebut."

(Perdana Menteri)

35. PR-1231-U36981

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta menubuhkan sebuah Majlis Buku Negara dengan peruntukan yang mencukupi dan segera menggubal Dasar Buku Negara dan Akta Buku serta mengambil semua langkah yang munasabah dan praktikal untuk membantu, menggalakkan, membangunkan dan memajukan industri buku negara.

Selanjutnya Dewan juga membuat ketetapan supaya Dasar Buku Negara seperti yang telah dimaktubkan segera dilaksanakan sepenuhnya dan mencapai matlamat yang disasarkan dalam Dasar Buku Negara tersebut."

(Menteri Pelajaran)

36. PR-1231-U36982

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima di semua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan/ atau halangan. Ini kerana sebagai sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan seperti yang dimaktubkan oleh Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan, maka adalah penting untuk syiar Islam dimartabatkan."

(Perdana Menteri)

37. PR-1231-U36983
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta."

(Menteri Dalam Negeri)

38. PR-1231-U36984
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Malaysia Airline, Air Asia atau mana-mana syarikat penerbangan dalam negeri ini supaya membenarkan kakitangan wanitanya terutama pramugari yang beragama Islam pilihan untuk memakai pakaian / pakaian seragam yang mematuhi hukum syara' sebagaimana syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Emirates Airways, Saudi Airline, Royal Brunei Airline dan lain-lain."

(Menteri Pengangkutan)

39. PR-1231-U36985
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras dan yang memabukkan semasa di dalam penerbangan sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Saudi Air, Emirates Airways, Brunei Airline dan lain-lain."

(Menteri Pengangkutan)

40. PR-1231-U36986

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hanya membenarkan penjualan arak, minuman keras dan yang memabukkan dalam apa bentuk sekalipun hanya di premis-premis khas yang dilesenkan dan hanya khusus untuk masyarakat bukan Islam sahaja; sebagaimana premis khas untuk penjualan nombor ekor, tempat perjudian dan daging khinzir dan lain-lain; dan tidak melesenkan kedai-kedai runcit atau serbaneka daripada menjual arak dan/ atau apa-apa minuman keras dan yang memabukkan di premisnya. Dewan ini mengambil maklum banyak kes terjadi dimana remaja dan belia beragama Islam yang menyalahgunakan penjualan arak dan minuman beralkohol serta kemudahan kondom di kedai-kedai serbaneka ini untuk kegiatan tidak berakhlak dan bermoral, yang akhirnya membawa kepada timbulnya gejala sosial yang serius seperti kegiatan merempit yang melampau, perzinaan, perogolan dan kesalahan seksual dan kes pembuangan bayi."

(Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan)

41. PR-1231-U36987

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dengan kegiatan militan Islam seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Jemaah Islamiah (JI), Kumpulan Al Maunah dan lain-lain termasuk Mas Selamat Kastari dan jika pihak kerajaan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah sivil yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi. Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa menahan mana-mana individu tanpa perbicaraan dan hak membela diri adalah bercanggah dengan hukum syara' dan undang-undang Islam; apatah lagi terdapat undang-undang lain yang mencukupi untuk menangani permasalahan perundangan yang ada bagi hal-hal yang menjejaskan keselamatan, keamanan dan ketenteraman Negara."

(Menteri Dalam Negeri)

42. PR-1231-U36988
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaik pulih Masjid Jamek Bandaraya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta mengukuhkan bumbung masjid tersebut agar dapat menampung jemaah untuk mengerjakan solat terutamanya solat Jumaat dan solat sunat Aidilfitri & Aidiladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini."
- (Perdana Menteri)**
43. PR-1231-U36989
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia supaya mengeluarkan larangan terhadap mana-mana pembantu rumah asing yang beragama Islam daripada bekerja dengan mana-mana majikan yang bukan beragama Islam.
- Ini adalah kerana terdapat banyak aduan pembantu-pembantu rumah asing yang beragama Islam yang dipaksa memakai pakaian bercanggah dengan Islam seperti berseluar pendek, memakan makanan dan minuman yang haram seperti babi dan arak, serta dipaksa memandikan dan membela anjing dan tinggal di persekitaran dan suasana yang jelas bercanggah dan/atau tidak bersesuaian dengan seorang Muslim."
- (Menteri Dalam Negeri)**
44. PR-1231-U36990
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya membenarkan pencarum KWSP yang beragama Islam mengeluarkan simpanan mereka bagi tujuan mengerjakan ibadah haji bagi diri mereka dan keluarga terdekat sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup mereka walaupun belum mencapai umur persaraan 55 tahun;

Selanjutnya Dewan juga mengambil ketetapan mendesak Kementerian Kewangan supaya segera mengambil langkah memansuhkan Seksyen 167 Akta Insurans dan Peraturan 6 Peraturan KWSP 2001 yang banyak menimbulkan masalah dan disalahgunakan oleh penama yang dinamakan sebagai benefisiari kerana banyak kes di mana penama apabila menerima wang caruman daripada KWSP telah tidak membahagikan wang tersebut menurut syara' dan hukum faraid; atau sebagai alternatif mengenakan syarat kepada pengurusan KWSP supaya wang caruman si mati tidak dibayar kepada penama kecuali mereka telah mengemukakan sijil faraid daripada Mahkamah Syariah dan pembayaran dibuat oleh KWSP terus kepada waris-waris yang dinamakan di dalam sijil faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah yang berbidangkuasa tersebut."

(Menteri Kewangan)

45. PR-1231-U36991

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertahanan supaya mewujudkan kem-kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang mengambil hanya pelatih wanita sahaja sebagai pilihan bagi mereka dan ibu bapa yang mahukan anak perempuan mereka diasingkan kerana terlalu banyak aduan pelatih-pelatih wanita yang melalui pengalaman diganggu oleh sama ada pelatih atau petugas lelaki sehingga ada yang mencabul, mendera dan merogol; ramai ibu bapa yang mengadu anak perempuan mereka yang apabila kembali daripada PLKN berubah menjadi terlalu terbuka dalam pergaulan dan perhubungan dengan lelaki walaupun sebelum ke PLKN anak-anak mereka sangatlah bersopan dan menjaga akhlak dan batasan pergaulan dengan lelaki;Selanjutnya Dewan mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertahanan supaya menerapkan dalam silibus latihan kepada pelatih-latih beragama Islam modul nilai Islam seperti mewajibkan solat jemaah pada tiap waktu solat fardu, qiamullail dan tahajjud, dan melatih mereka supaya mengimarahkan masjid dengan selalu mengadakan program qiamullail dimana-mana masjid berhampiran kem PLKN, yang mana ini akan bukan sahaja menjalinkan ukhwah dan persaudaraan dengan masyarakat sekeliling, ianya juga akan memperkukuh dan memperkuat aspek spiritual dan kerohanian pelatih-pelatih PLKN."

(Menteri Pertahanan)

46. PR-1231-U36992

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri Pengangkutan supaya diadakan koc-koc dan gerabak-gerabak khas di perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu (termasuk komuter, perkhidmatan antarabandar) dan Sistem Transit Aliran Ringan (STAR dan Putra) bagi Wanita Sahaja; ini adalah untuk memberi pilihan kepada penumpang wanita membuat pilihan untuk menaiki koc dan gerabak khas untuk wanita sahaja termasuk bagi koc berkatil kerana banyak aduan diterima di mana penumpang wanita di perkhidmatan KTMB dan LRT mengadu mereka diraba, dicabul dan diganggu dengan gangguan seksual semasa menggunakan perkhidmatan ini terutama di waktu puncak. Oleh itu untuk keselesaan dan keselamatan penumpang wanita, Dewan mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan supaya segera mengkaji dengan tujuan melaksanakan skim koc dan gerabak Khas Untuk Wanita sahaja bagi perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu (termasuk komuter, perkhidmatan antara bandar) dan Sistem Transit Aliran Ringan (STAR dan Putra)."

(Menteri Pengangkutan)

47. PR-1231-U36993

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri, dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Islam) supaya mengkaji keperluan mewujudkan sebuah pusat tahanan, penjara dan/ atau tempat pelaksanaan hukuman bagi mereka yang disabit dan dijatuhkan hukuman oleh mana-mana Mahkamah Syariah yang berbidang kuasame memandangkan tiadanya pusat tahanan, penjara dan/ atau tempat pelaksanaan hukuman bagi pesalah-pesalah syarie seperti yang kita saksikan dalam kes Kartika Sari Dewi Sukarno baru-baru ini. Dewan mengambil perhatian bahawa pelaksanaan hukuman bagi pesalah syarie adalah sangat berbeza dari tujuan, matlamat dan bentuk hukuman bagi pesalah syarie berbanding dengan pesalah di Mahkamah Sivil."

(Menteri Dalam Negeri)

48. PR-1231-U35276

Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Perdana Menteri segerakan penubuhan Suruhanjaya DiRaja bagi menyiasat dan mengaudit Kementerian Pertahanan supaya siasatan awam boleh dijalankan terhadap penglibatan pegawai-pegawai Kerajaan termasuk pegawai tinggi dalam kes kehilangan enjin pesawat, kes pembocoran rahsia pertahanan dan tender-tender yang dikeluarkan. Ini adalah bertujuan mengembalikan ketelusan dalam pentadbiran Kementerian Pertahanan."

(Menteri Pertahanan)

49. PR-1231-U35277

Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Perdana Menteri melucutkan Peguam Negara, (AG) Tan Sri Abdul Gani Patail dengan serta merta kerana gagal menyempurnakan tugas bagi mendakwa beberapa kes termasuk bekas Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Dr. Mohammed Khir Toyo dan bekas Menteri Pelancongan, Datuk Azalina Othman Said. Pihak Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) telah menyerahkan kes-kes ini kepada tindakan Peguam Negara melebihi enam (6) bulan dan tiada tindakan sehingga kini."

(Perdana Menteri)

50. PR-1231-U35079

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk mengubah peraturan penyusunan mata pelajaran bagi peperiksaan SPM yang menghalang pelajar-pelajar India dari mengambil kedua-dua mata pelajaran Bahasa Tamil dan Kesusasteraan Tamil di mana peraturan ini adalah tidak sejajar dan tidak mencerminkan konsep 1Malaysia yang dilaung-laungkan oleh Kerajaan Malaysia."

(Menteri Pelajaran)

51. PR-1231-U36585

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh MINDEF, mesti dibawa ke parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya untuk syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

(Menteri Kewangan)

52. PR-1231-U35030

Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya Perdana Menteri tidak memegang jawatan Menteri Kewangan. Hal ini kerana keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu sekarang memerlukan perhatian yang serius bagi menjamin ekonomi negara berada di landasan yang betul. Adalah tidak wajar membiarkan pakar luar yang dilantik membentuk polisi ekonomi negara. Maka adalah wajar negara memerlukan seorang pakar ekonomi menjawat jawatan Menteri Kewangan."

(Perdana Menteri)

53. PR-1231-U35031

Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan mengambil ketetapan pelantikan Pengerusi dan Anggota Suruhanjaya dibuat melalui Parlimen. Perdana Menteri hendaklah menasihati DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong calon-calon yang telah dipilih oleh Parlimen. Dengan ini imej dan kewibawaan Suruhanjaya akan dapat dipertingkatkan."

(Perdana Menteri)

54. PR-1231-U35032
Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mendesak Menteri Kewangan menetapkan setiap pelantikan perundingan dalam projek swasta hendaklah mencerminkan konsep 1Malaysia. Sekurang-kurangnya 50% panel perunding hendaklah dalam kalangan profesional Bumiputera."
- (Menteri Kewangan)**
55. PR-1231-U36231
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Bangsa-bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."
- (Menteri Luar Negeri)**
56. PR-1231-U36235
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya DiRaja Siasatan Kes Pembunuhan Altantuya Sharibu yang mati dibunuh beberapa tahun lalu. Daripada siasatan dan perbincangan yang dijalankan, banyak pihak tidak berpuas hati dengan perjalanannya dan diharap agar suruhanjaya ini mampu untuk menjawab pelbagai spekulasi."
- (Perdana Menteri)**

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)

TAHUN 2010	RISALAT/DOKUMEN	TARIKH DIBENTANGKAN
ST.13	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Bagi Tahun 2008.	8 April 2010
ST.22	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Bagi Tahun 2008.	8 April 2010
ST.44	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) Bagi Tahun 2008.	8 April 2010